

Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur

The Need of Shariah Governance for Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review

ABD HAKIM ABD RASID, Universiti Kebangsaan Malaysia
SALMY EDAWATI YAACOB¹, Universiti Kebangsaan Malaysia
MAT NOOR MAT ZAIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: September 14, 2021 Accepted: November 29, 2021 Online Published: December 15, 2021
URL: <http://www.ukm.my/jcil>

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah telah mula diperkenalkan di institusi-institusi kewangan Islam pada tahun 2010 melalui Shariah Governance Framework 2010. Rentetan itu, institusi kewangan termasuk takaful, ar-Rahnu dan koperasi mula mengorak langkah melaksanakan tadbir urus syariah dengan mengadaptasi SGF 2010 ke arah mewujudkan ekosistem ekonomi patuh syariah. Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga dilihat berperanan penting dalam menyumbang kepada perkembangan ekonomi di Malaysia yang sepatutnya juga mengadaptasi SGF 2010. Justeru objektif kertas kerja ini disediakan adalah untuk menyoroti kajian lepas berkaitan tadbir urus Syariah dan keperluan pelaksanaan tadbir urus Syariah untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia dan seterusnya meneliti keperluan tadbir urus syariah di IKS. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan analisa kandungan dan dianalisis secara deskriptif. Hasil analisis tinjauan literatur yang dilakukan mendapati bahawa tadbir urus syariah adalah pelengkap kepada sistem tadbir urus korporat yang mana ia dapat memastikan semua transaksi dan operasi perniagaan yang dijalankan berjalan dengan mematuhi prinsip-prinsip syariah. Ia juga akan dapat meningkatkan kredibiliti dan kepercayaan orang awam terhadap status patuh syariah sesuatu perniagaan. Perkara ini menunjukkan terdapat keperluan untuk tadbir urus syariah dilaksanakan di syarikat-syarikat kategori IKS. Oleh itu, kajian lanjut perlu dijalankan tentang bagaimana model tadbir urus syariah untuk syarikat-syarikat IKS yang sesuai dengan saiz, sifat perniagaan dan kemampuan syarikat.

Kata Kunci: Industri Kecil dan Sederhana, Tadbir Urus Syariah, Patuh Syariah, SGF 2010, institusi kewangan

ABSTRACT

Shariah Governance was introduced for Islamic financial institutions in 2010 through Shariah Governance Framework 2010. Starting from that, other financial institutions including takaful, ar-Rahnu and cooperative started adapting the SGF 2010 to create shariah compliance economic system. Small and Medium Enterprises (SME) also contributing significant role in Malaysia economy which shows that the enterprises also need to adapt the SGF 2010. The objective of this paper is to review past literatures related to shariah governance and the need of shariah governance implementation in Malaysian SME thus observe the need of shariah governance for SME. This research paper is qualitative by through contents analysis method and are analysed descriptively. The outcome of the literature review done shows that shariah governance complete the existing corporate governance which ensures all transactions and business operations are done in shariah compliance manner. It also increases an institution's credibility and public's confidence on its shariah compliance status. This shows that there is a need for shariah implementation in SME enterprises. Therefore, a research needs to be conducted on what shariah governance model that are suitable with size, nature of business and the ability of SME enterprises to implement it.

Keywords: Small and Medium Enterprise, Shariah Governance, Shariah Compliance, SGF 2010, Financial Institution

PENGENALAN

Perkembangan Institusi Kewangan Islam (IKI) di seluruh dunia dilihat sebagai satu tanda bahawa Islam tidak dapat dipisahkan daripada ekonomi (Nawal Kasim et. al. 2013). Sebagai sebuah organisasi yang berteraskan Islam, IKI tampil dengan pendekatan berbeza daripada Institusi Kewangan Konvensional terutamanya dari aspek matlamat, tadbir urus

organisasi serta rangka kerja yang unik untuk memastikan IKI beroperasi mengikut prinsip-prinsip syariah secara holistik. Strategi pengurusan Islam merupakan sebuah perkara asas bagi sesebuah institusi berteraskan Islam. Berbeza dengan institusi konvensional, strategi pengurusannya lebih bertumpu kepada matlamat untuk mencari keuntungan semata-mata (Asiah & Dziauddin 2018). Ini bermakna institusi konvensional tidak mengambil kira tentang

¹ Corresponding author.

halal dan haram dalam transaksi dan juga aktiviti perniagaan mereka seperti perkara yang melibatkan riba, judi, penipuan dan sebagainya. Oleh kerana itu, pihak-pihak yang menyedari akan kepentingan memastikan pematuhan syariah dalam aktiviti perniagaan yang dijalankan mereka mula mengorak langkah untuk melaksanakan tadbir urus syariah di institusi mereka bagi menjamin operasi dan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan yang ditawarkan mereka sentiasa mematuhi syariah. Antaranya adalah institusi-institusi kewangan Islam (IKI), Pasaran Modal Islam, Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Koperasi, Hotel, Ar-Rahnu dan sebagainya.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan dilaksanakan di institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia bermula tahun 2010 untuk memastikan semua operasi dan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh IKI berjalan selari dengan prinsip syariah. Tambahan lagi, struktur tadbir urus syariah Malaysia dianggap sebagai antara kewangan Islam yang paling berstruktur di dunia (Wan Amir et. al. 2020). Oleh itu, Rangka Kerja serta struktur tadbir urus syariah yang diperkenalkan BNM dijadikan panduan oleh sektor-sektor ekonomi lain yang ingin menjalankan perniagaan serta memastikannya sentiasa patuh syariah. Ahmad Saiful (2017) menyatakan bahawa entiti perniagaan akan berada di bawah kategori Syarikat Kecil dan Sederhana atau Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sekiranya jualan tahunan dan bilangan pekerja mereka menepati definisi yang ditetapkan. Industri kecil dan Sederhana (IKS) memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia. Ini dapat dilihat melalui laporan yang dikeluarkan oleh SMIDEC pada tahun 2002 menunjukkan bahawa sektor kecil dan sederhana ini telah mewakili 38.9% dalam pengambilan kerja daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja di Malaysia (Ali Salman & Nelson 2006).

Oleh kerana terdapat dorongan ke arah ekosistem ekonomi yang patuh syariah, sektor-sektor ekonomi yang lain juga sudah mula mengorak langkah untuk mewujudkan sebuah entiti perniagaan yang patuh syariah. Justeru, kajian yang dilakukan bagi menyoroti kajian lepas berkaitan tadbir urus syariah di Institusi kewangan Islam (IKI) terutamanya aspek elemen-elemen yang boleh diterapkan dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kerana IKI mempunyai pengamalan tadbir urus syariah yang bagus dan berkesan.

SOROTAN LITERATUR

Isu yang dibincangkan dalam kertas kerja ini menjurus kepada persoalan sejauhmana keperluan tadbir urus syariah dalam industri kecil dan sederhana. Oleh yang demikian, sorotan literatur ini akan dibahagikan kepada dua tema utama yang menjurus kepada persoalan kajian iaitu; keperluan dan kepentingan tadbir urus syariah dan struktur tadbir urus Syariah.

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia Terdapat pelbagai definisi yang diperkenalkan oleh

pengkaji-pengkaji terdahulu seperti berasaskan saiz perniagaan, aktiviti perniagaan, pulangan jualan tahunan dan modal tetap. National SME Development Council (NSDC) telah memperkenalkan definisi IKS yang selaras berdasarkan tiga sektor utama iaitu pengilangan & perkhidmatan berkaitan pengilangan, sektor pertanian primer dan sektor perkhidmatan (BNM 2013). Chin et. al. (2018) menyatakan bahawa sebuah syarikat dianggap sebagai syarikat IKS berdasarkan indikator kuantitatif iaitu bilangan pekerja tetap dan pulangan jualan tahunan. Manakala Ali Salman & Nelson (2006) mendefinisikan syarikat IKS berdasarkan kriteria berikut:

1. Pengilangan, perkhidmatan berasaskan pengilangan dan industri berasaskan agro
 - a. Bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang; ATAU
 - b. Pulangan jualan tahunan tidak melebihi RM25juta
2. Perkhidmatan, pertanian utama, teknologi informasi dan komunikasi (ICT)
 - a. Bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 50 orang; ATAU
 - b. Pulangan jualan tahunan tidak melebihi RM5juta

Definisi baharu telah dikaji semula oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2013 yang diterbitkan dalam dokumen Circular on New Definition of Small and Medium Enterprises (SMEs) bertarikh 6 November 2013 yang hanya melibatkan dua sektor iaitu: sektor pengilangan dan sektor perkhidmatan serta sektor-sektor lain (BNM 2013). Definisi baharu ini meningkatkan had penentuan untuk dua kriteria iaitu pulangan jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa. Perbandingan antara definisi IKS lama dan baharu dapat dilihat dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Perbandingan Definisi IKS lama dan baharu

Definisi IKS Lama			
Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana
Pengilangan, perkhidmatan berasaskan pengilangan dan industri berasaskan agro	Pulangan jualan tahunan kurang daripada RM250,000	Pulangan jualan tahunan antara RM250,000 dan RM10 juta	Pulangan jualan tahunan antara RM10 juta dan RM25 juta
	ATAU	ATAU	ATAU
	Pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang	Pekerja sepenuh masa antara 5 hingga 50 orang	Pekerja sepenuh masa antara 51 hingga 150 orang
Perkhidmatan, pertanian utama, teknologi informasi dan	Pulangan jualan tahunan kurang daripada	Pulangan jualan tahunan antara RM200,00	Pulangan jualan tahunan antara RM1 juta

komunikasi (ICT)	RM200,000 ATAU Pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang	0 dan RM1 juta ATAU Pekerja sepenuh masa antara 5 hingga 19 orang	dan RM5 juta ATAU Pekerja sepenuh masa antara 20 hingga 50 orang
Definisi IKS Baharu			
Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana
Pengilangan	Pulangan jualan tahunan kurang daripada RM300,000	Pulangan jualan tahunan daripada RM300,000 sehingga kurang daripada RM15 juta. ATAU Pekerja daripada 5 sehingga kurang daripada 75 orang.	Pulangan jualan tahunan daripada RM15 juta sehingga tidak melebihi daripada RM50 juta. ATAU Pekerja daripada 75 sehingga tidak melebihi daripada 200 orang.
Perkhidmatan dan Sektor lain		ATAU Pekerja kurang daripada 5 orang	Pulangan jualan tahunan daripada RM300,000 sehingga kurang daripada RM3 juta. ATAU Pekerja daripada 5 sehingga kurang daripada 30 orang.

Sumber: BNM 2013; Ali Salman & Nelson 2006

Keperluan Dan Kepentingan Tadbir Urus Syariah Tadbir urus korporat akan membantu IKS dalam meningkatkan prestasi serta persepsi masyarakat awam terhadap kredibiliti sesebuah syarikat. Punyaratabandhu (2004) mendefinisikan tadbir urus sebagai “pengurusan masyarakat oleh anggota masyarakat” dalam menggunakan autoriti untuk

mengawal dan mengurus urusan-urusan dan sumber. Manakala United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) mendefinisikan tadbir urus sebagai satu proses membuat keputusan yang mana keputusan itu akan dilaksanakan atau tidak dilaksanakan (Nor Laila & Nurulhuda 2016). Tadbir urus menurut The Institute of Governance merujuk kepada 3 dimensi iaitu:

1. Tadbir urus menentukan siapa yang mempunyai kuasa
2. Siapa yang membuat keputusan-keputusan
3. Bagaimana pihak-pihak berkepentingan lain membuatkan suara mereka didengari dan bagaimana akaun dipersembahkan.

Sheila & Syed Ahmad Salman (2013) menyatakan bahawa Lembaga Pengarah memainkan peranan penting untuk Syarikat Kecil dan Sederhana mendapat akses modal/kewangan, meyakinkan pelabur-pelabur, merangsang sektor swasta dan menyumbang kepada ekonomi negara. Menurut pengkaji lagi, kelebihan lain melaksanakan tadbir urus korporat bagi syarikat kecil dan Sederhana adalah ia dapat mengembangkan syarikat tersebut dengan lebih cepat, menyebabkan syarikat tersebut mempunyai hala tuju yang jelas serta meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti syarikat. Joshua & Nicholas (2007) menyatakan bahawa syarikat di bawah kategori IKS yang mengamalkan tadbir urus korporat yang baik akan mudah mendapat pendanaan daripada pelabur-pelabur dan institusi-institusi kewangan bagi mengembangkan lagi perniagaan. Syarikat IKS juga akan mempunyai pertumbuhan yang sihat dan komited dengan keberkesanan perniagaan kerana wujudnya pihak pengawasan dari luar (Joshua & Charles 2007).

Oleh itu, syarikat-syarikat kecil dan sederhana juga memerlukan kepada tadbir urus korporat bagi memastikan kelestarian dan keuntungan jangka masa panjang bagi syarikat tersebut. Cheryl Khor (2017) menyatakan bahawa pelaksanaan tadbir urus korporat di syarikat kecil dan sederhana akan menjadi satu nilai tambah kepada syarikat-syarikat tersebut sekalipun mereka tidak berhasrat untuk menjadi syarikat tersenarai/besar. Sheila & Syed Ahmad Salman (2013) dalam kajian mereka mencadangkan agar satu garis panduan tadbir urus korporat yang sesuai dengan konteks syarikat kecil dan sederhana ini kerana sumbangan yang diberikan oleh syarikat-syarikat tersebut kepada ekonomi negara amatlah besar. Begitu juga menurut Nurmazilah Mahzan dan Chia Meng Yan (2014) yang turut mencadangkan agar diwujudkan kod tadbir urus khusus bagi syarikat-syarikat IKS kerana konteksnya berlainan dengan syarikat-syarikat besar/tersenarai. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa adalah tidak mustahil untuk syarikat-syarikat IKS melaksanakan tadbir urus korporat bahkan tadbir urus korporat akan menjadi nilai tambah kepada sesebuah syarikat IKS dan membezakannya daripada syarikat-syarikat lain yang berada dalam kategori yang sama.

Melaksanakan tadbir urus korporat akan mendatangkan pelbagai faedah kepada pemilik dan

pihak pengurusan syarikat dan dalam masa yang sama ia akan menambah baik terhadap ketelusan dan pendedahan maklumat yang sekaligus akan membuatkan syarikat tersebut mudah untuk memperolehi dana dari pelabur serta mendapatkan kepercayaan awam terhadap kredibilitinya (Sheila & Syed Ahmad Salman 2013; Joshua & Nicholas 2007). Nawal Kasim et. al. (2013) menyatakan bahawa tadbir urus korporat menurut perspektif Islam perlu dilihat daripada aspek konsep akauntabiliti Islam. Konsep akauntabiliti Islam merangkumi dua aspek akauntabiliti iaitu akauntabiliti utama sebagai pemegang amanah pemerintah-perintah Allah dan akauntabiliti terhadap kontrak antara pemilik, pelabur dan pengurus (Shahul Hameed 2000). Kajian lepas telah menunjukkan bahawa tadbir urus korporat menurut perspektif Islam melengkapkan tadbir urus korporat sedia ada yang bersifat sekular semata-mata.

Kombinasi antara bentuk perniagaan moden dan peraturan yang ditetapkan syarak adalah aspek terpenting bagi memastikan sebuah syarikat atau perniagaan benar-benar patuh syariah (Irawan Febianto 2011). Tadbir urus korporat menurut perspektif Islam mensyaratkan wujudnya satu lapisan tambahan tadbir urus untuk tujuan pematuhan syariah. Oleh kerana itu, institusi-institusi yang ingin melaksanakan tadbir urus syariah memerlukan kepada satu aturan organisasi untuk mengawal dan memantau aspek pematuhan syariah dalam perniagaan dan operasi mereka (Wan Amir et. al. 2020). Perkara ini menjadikan lembaga pengarah mempunyai tanggungjawab tambahan untuk mengawal dan memastikan institusi beroperasi mengikut panduan syarak secara keseluruhan (Nawal Kasim et. al. 2013). Matlamat diwujudkan sistem kawalan tersebut adalah untuk memastikan pematuhan dan pelaksanaan terhadap prinsip-prinsip syariah sentiasa dilakukan oleh sesebuah institusi (Aishath Muneeza 2014; Amiratul Nadiah et. al. 2020). Kajian-kajian lepas telah menggambarkan bahawa tadbir urus syariah adalah sama seperti tadbir urus korporat yang merupakan satu sistem kawalan dan peranan tadbir urus syariah adalah untuk memastikan pematuhan syariah berlaku dalam sesebuah organisasi.

Tadbir urus syariah diwujudkan untuk melengkapkan rangka kerja tadbir urus korporat yang sedia ada di IKI dan juga kerana kekurangan model khusus tadbir urus korporat yang mengikut perspektif Islam (ISRA 2016). Ini juga dapat dilihat melalui kenyataan Rihab Grassa (2013) yang menyatakan bahawa tadbir urus syariah yang berkesan akan menjadi nilai tambah kepada rangka kerja tadbir urus korporat yang sedia ada. Ini adalah kerana dengan wujudnya tadbir urus Syariah, ia akan dapat memastikan operasi perniagaan sesebuah institusi sentiasa mematuhi Syariah dan tadbir urus korporat tidak menyentuh tentang aspek pematuhan syariah ini (Siti Noradibah Md Zain & Zurina Shafii 2018; Zulkarnain et. al. 2015). Ini adalah kerana sebarang ketidakpatuhan terhadap prinsip-prinsip syariah akan memberi kesan kepada status halal dan haram

keuntungan yang diperoleh (Wan Amir et. al. 2020). Tambahan lagi, dalam konteks pengamalan tadbir urus semasa di IKI, Zulkarnain et. al. (2015) menyatakan bahawa pelaksanaan di IKI dapat menjaga kepentingan dan kepercayaan semua pihak berkepentingan seperti pendeposit atau pelanggan, pemegang saham dan pemegang taruh. Kajian-kajian lepas yang dilakukan pengkaji terdahulu menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kepentingan dan kelebihan pelaksanaan tadbir urus syariah di IKI. Namun, kajian-kajian lepas tersebut hanya bertumpu kepada sektor-sektor ekonomi yang besar. Oleh kerana itu, kajian lanjutan perlu dilakukan bagi sektor IKS yang juga merupakan salah satu sektor penyumbang ekonomi.

Mohd Danial et. al. (2011) mendefinisikan tadbir urus syariah sebagai satu sistem yang dilaksanakan menggunakan prinsip-prinsip syariah dan dikawal oleh badan atau lembaga agama untuk menyelia aktiviti-aktiviti yang dijalankan sesebuah institusi untuk sentiasa berjalan berlandaskan syariah. Tadbir urus syariah menurut Bank Negara Malaysia (BNM) adalah satu set aturan organisasi yang melaluinya IKI dapat memastikan pemantauan yang efektif, akauntabiliti dan tanggungjawab lembaga pengarah, pengurusan dan Jawatankuasa Syariah (BNM 2009). Manakala Islamic Financial Services Board (IFSB 2009), sebuah badan pembuat piawai antarabangsa berkaitan IKI pula mendefinisikan tadbir urus syariah adalah satu set aturan institusi atau organisasi yang mana melaluinya institusi-institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam dapat memastikan wujudnya pemantauan pematuhan syariah yang efektif dan bebas bagi setiap proses dan struktur berikut:

1. Pengeluaran pengumuman resolusi Syariah yang relevan,
2. Penyiaran maklumat seperti pengumuman/resolusi syariah kepada kakitangan operasi institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam yang memantau pematuhan harian institusi dengan pengumuman/resolusi syariah berkenaan tahap operasi dan setiap transaksi,
3. Semakan/audit pematuhan Syariah dalaman ketika memenuhi pengesahan pematuhan syariah, ketika berlaku keadaan tidak patuh syariah dipenuhi, ketika keadaan tidak patuh syariah direkod dan dilaporkan sedalam mungkin, dikenal pasti dan diselesaikan, dan
4. Semakan/audit pematuhan Syariah secara tahunan untuk mengesahkan bahawa semakan/audit pematuhan Syariah dalaman telah dijalankan dengan betul dan hasil semakan/audit tersebut telah dimaklumi dengan baik oleh lembaga Syariah.

Melalui definisi-definisi tadbir urus syariah yang dinyatakan, dapatlah difahami bahawa tadbir urus syariah merupakan sebuah sistem untuk mengawal dan memastikan sesebuah institusi sentiasa mematuhi

prinsip syariah dengan mewujudkan fungsi-fungsi tertentu bagi mencapai matlamat tersebut. Tadbir urus syariah juga adalah pelengkap kepada sistem tadbir urus korporat yang telah lama diperkenalkan. Cuma tadbir urus korporat adalah bersifat sekular yang bertumpu kepada aspek keduniaan manakala tadbir urus syariah pula akan melengkapkan aspek akhirat terutamanya status halal dan haram pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan yang dijalankan. Oleh itu, gabungan antara tadbir urus syariah dan tadbir urus korporat akan memacu kejayaan sesebuah organisasi dengan lebih menyeluruh.

Tujuan utama Rangka kerja tadbir urus syariah untuk IKI adalah untuk menguatkan lagi peranan lembaga pengarah, jawatankuasa syariah dan pengurusan berkaitan perkara yang melibatkan syariah, termasuk mengukuhkan anggota komponen penting yang relevan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi kajian dan pematuhan syariah bertujuan untuk mencapai persekitaran operasi yang berlandaskan syariah (BNM 2010). Pelaksanaan Tadbir urus syariah akan menguatkan keyakinan orang awam terhadap integriti, pengurusan dan operasi perniagaan sesebuah institusi Islam (BNM 2019; Siti Maria 2011). Selain itu, tadbir urus syariah juga bertujuan untuk memastikan produk kewangan yang dikeluarkan adalah selari dengan prinsip-prinsip syariah dan memberi nasihat pada setiap langkah dalam kontrak yang digunakan, meningkatkan ketelusan dan pendedahan maklumat untuk meningkatkan pengawasan terhadap IKI yang seterusnya akan meningkatkan keyakinan pelabur terhadap institusi tersebut (Abdurrahman Haqqi 2014; Zulkifli Hasan 2011; Mizushima 2013; Hayathu Mohamed & Rusni Hasan 2019). Tambahan lagi, Hayathu Mohamed & Rusni Hasan (2019) turut menyatakan bahawa rangka kerja tadbir urus syariah juga adalah satu alat yang efektif untuk mengukur dan memastikan kompetensi dan keberkesanan pematuhan syariah operasi kewangan Islam.

Tambahan lagi, terdapat pelbagai kajian tentang keperluan pelaksanaan tadbir urus syariah di sektor-sektor ekonomi yang lain seperti pasaran modal Islam, koperasi, perhotelan dan sebagainya yang mempunyai matlamat, sifat dan bentuk perniagaan yang berbeza antara satu sama lain. Ini adalah kerana setiap sektor ekonomi mempunyai bentuk dan ciri-ciri yang tersendiri yang memerlukan kepada model tadbir urus syariah berbeza yang sesuai dengan konteks serta keperluan setiap sektor tersebut. Oleh kerana banyak kajian berkaitan tadbir urus syariah bertumpukan kepada IKI sahaja, Nawal Kasim et. al. (2013) menyatakan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk mewujudkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk Pasaran Modal Islam kerana sektor ini menyediakan platform pelaburan patuh syariah untuk bank-bank Islam, syarikat takaful dan juga pelabur Muslim (Amiratul Nadiyah et. al. 2020). Kajian-kajian ini menjadi petunjuk yang jelas bahawa sektor-sektor ekonomi yang lain turut mula mengorak langkah untuk melaksanakan tadbir urus syariah untuk

memenuhi keperluan pasaran muslim serta mewujudkan ekosistem ekonomi patuh syariah.

Selain itu, terdapat juga kajian-kajian lepas berkaitan pelaksanaan tadbir urus syariah di koperasi bagi memastikan operasi dan aktiviti yang dijalankan sesebuah koperasi itu patuh syariah (Rusni Hassan et. al. 2018; Zurina Shafii et. al. 2017; Muhammad Issyam et. al. 2016; Mohd Rodzi & Al-Hassan 2015). Namun, tadbir urus syariah di koperasi adalah sedikit berbeza dengan institusi kewangan kerana objektif utama bagi koperasi adalah untuk memperkasakan kebajikan ekonomi sosial ahli koperasi (Muhammad Issyam et. al. 2016). Skop aplikasi tadbir urus syariah koperasi hanya bertumpu kepada perkara berkaitan perkhidmatan kewangan seperti fungsi perbankan, kredit, pembiayaan dan Ar-Rahnu dan tidak merangkumi perniagaan-perniagaan lain yang lebih luas. Tambahan lagi, Garis Panduan Tadbir Urus Syariah (GP28) yang diperkenalkan merupakan garis panduan yang diadaptasi daripada SGF 2010 dan masih berada di peringkat pengenalan dan memerlukan kepada penambahbaikan (Asma & Salmi 2019). Walaupun tadbir urus syariah di koperasi dianggap masih di tahap permulaan, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pihak-pihak yang terlibat dengan sektor tersebut sedar tentang kepentingan serta keperluan pelaksanaan tadbir urus syariah bagi memastikan operasi perniagaan mereka sentiasa patuh syariah serta dapat menawarkan produk-produk yang mesra Muslim.

Menurut Wan Amir et. al. (2020) dalam kajiannya berkaitan keperluan tadbir urus syariah di syarikat pelaburan berkaitan kerajaan menyatakan bahawa tadbir urus syariah adalah penting untuk memastikan operasi sesebuah institusi sentiasa mematuhi prinsip Syariah terutamanya melibatkan 3 aspek utama berikut:

1. Struktur: Struktur tadbir urus syariah adalah penting kerana peranannya adalah untuk memenuhi apa yang diharapkan daripada struktur tadbir urus Syariah sesebuah institusi Islam. Ini adalah untuk memastikan semua operasi, proses dan aktiviti perniagaan adalah selari dengan syarak.
2. Orang: Orang yang berada dalam IKI perlu menjalankan tugas mereka berkaitan Syariah termasuklah lembaga pengarah, jawatankuasa Syariah dan kumpulan pengurusan.
3. Proses: Proses untuk menjalankan pelaburan patuh syariah adalah penting. Oleh itu, terdapat keperluan untuk semakan/audit Syariah, pengurusan risiko Syariah dan penyelidikan Syariah.

Pelaksanaan tadbir urus syariah yang berkesan memerlukan kepada akta khusus bagi mengawal selia sesebuah organisasi tersebut. Bagi IKI, tadbir urus syariah bermula dengan wujudnya peruntukan akta khusus iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam. Seterusnya, Bank Negara Malaysia selaku pengawal selia telah mewujudkan rangka kerja dan dokumen polisi berkenaan tadbir urus syariah iaitu Shariah

Governance Framework (SGF) 2010 dan kemudiannya ditambah baik melalui Shariah Governance Policy Document 2019 bagi melicinkan dan memperkemas proses tadbir urus syariah di IKI. Begitu juga dengan sektor pasaran modal Islam dan koperasi yang mana masing-masing mempunyai garis panduan tadbir urus syariah yang diperkenalkan pengawal selia setiap sektor. Manakala sektor-sektor lain tidak mempunyai rangka kerja tadbir urus syariah khusus dan jelas, namun dapat dilihat bahawa kebanyakan sektor tersebut menjadikan SGF 2010 BNM sebagai panduan dan mengadaptasinya dalam pelaksanaan tadbir urus syariah di organisasi mereka.

Model perniagaan patuh syariah diamalkan oleh institusi kewangan Islam yang terhad kepada aspek transaksi dan kewangan, bukan pada model perniagaan yang menyeluruh. Tambahan lagi, kajian-kajian lepas berkaitan tadbir urus syariah di institusi-institusi kewangan Islam, pasaran modal Islam, koperasi dan lain-lain menunjukkan terdapat sedikit perbezaan antara sektor. Ini adalah kerana setiap mempunyai sifat perniagaan, kemampuan dan skop yang berbeza. Oleh kerana itu, kajian tentang keperluan pelaksanaan tadbir urus syariah di IKS perlu dilakukan bagi mengenalpasti aspek-aspek yang boleh disesuaikan dengan konteks IKS dengan menjadikan model sedia ada sebagai rujukan. Selain itu, IKS juga mempunyai sifat perniagaan berbeza daripada sektor-sektor dinyatakan yang lebih bertumpu kepada produk berasaskan perkhidmatan kewangan sedangkan perniagaan IKS melibatkan jual beli barang fizikal, pembuatan, pengilangan, perkhidmatan dan sebagainya. Namun begitu, timbul persoalan, apakah struktur komponen tadbir urus syariah yang sesuai untuk diaplikasikan di syarikat-syarikat IKS.

Struktur Tadbir Urus Syariah

Sistem tadbir urus syariah di IKI melibatkan mekanisma dan proses yang sistematik yang memerlukan koordinasi pelbagai anggota pengurusan (Zulkifli Hasan 2012). Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia, komponen utama yang perlu wujud dalam tadbir urus syariah merangkumi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, Pengurusan dan fungsi-fungsi pematuhan syariah seperti kajian, audit, pengurusan risiko dan pemeriksaan (BNM 2010; BNM 2019) Kajian daripada Nawal et. al. (2013) menunjukkan bahawa piawaian-piawaian dan garis panduan tadbir urus syariah yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia mempunyai persamaan dengan piawaian yang dikeluarkan AAOIFI dan IFSB dalam menerangkan fungsifungsi utama dalam tadbir urus syariah seperti tanggungjawab jawatankuasa syariah, pemeriksaan dan audit syariah. Tambahan lagi, kajian oleh Imran Hussain (2012), Nor Fadilah & Nuzul Akhtar (2016) menyatakan bahawa terdapat empat tiang utama atau komponen utama kepada sesebuah model tadbir urus syariah iaitu:

1. Pengurusan dan Pengawasan

2. Penasihat Syariah
3. Semakan dan Pematuhan Syariah
4. Pendedahan Maklumat dan Ketelusan

Untuk memandu aktiviti pengurusan dana yang dijalankan di Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Dana Islam pada tahun 2007. Antara isi kandungan garis panduan tersebut adalah untuk melantik seorang penasihat syariah bebas daripada kalangan individu, syarikat perunding, institusi berlesen dan diiktiraf atau bank Islam (SC 2007). Garis panduan tersebut turut menekankan tentang perlunya melantik pegawai pematuhan untuk memastikan perniagaan yang dijalankan mematuhi garis panduan yang ditetapkan serta melaporkan sebarang isu tidak patuh kepada penasihat syariah, lembaga pengarah syarikat dan SC. Amiratul Nadiah et. al. (2020) menyatakan bahawa sekalipun syarikat pengurusan dana Islam tidak mempunyai rangka kerja tadbir urus syariah yang komprehensif, tetapi proses tadbir urus syariah dijalankan dengan baik serta peraturan dan garis panduan oleh pengawal selia adalah mencukupi untuk memastikan pematuhan syariah. Tambahan lagi, pengkaji turut menyatakan bahawa fungsi syariah seperti semakan/audit syariah dan pengurusan risiko syariah dijalankan syarikat induk dan tiada keperluan untuk kajian syariah kerana instrumen pelaburan dipilih daripada senarai pilihan pelaburan patuh syariah yang tersedia.

Struktur tadbir urus syariah bagi koperasi pula adalah berasaskan kepada Garis Panduan 28 (GP28): Garis Panduan Tadbir Urus Syariah yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM 2015). GP28 tersebut telah menyatakan bahawa koperasi yang ingin melaksanakan tadbir urus syariah mestilah menerapkan fungsi-fungsi utama yang merangkumi Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Syariah Koperasi, Pengurusan Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam. Antara kandungan lain dalam garis panduan tersebut adalah koperasi perlu mewujudkan jawatankuasa Syariah dan juga memperuntukkan sumber dan tenaga kerja yang mencukupi bagi menyokong tadbir urus syariah yang setimpal dengan kemampuan saiz, kerumitan dan sifat perniagaan koperasi.

Kajian-kajian lepas berkaitan struktur tadbir urus syariah telah menunjukkan bahawa fungsi utama yang diaplikasikan di sektor-sektor ekonomi lain seperti pasaran modal Islam dan koperasi adalah mewujudkan jawatankuasa syariah dan juga pegawai dalaman yang berperanan untuk menyokong tadbir urus syariah di peringkat dalaman. Hal ini menunjukkan juga bahawa tadbir urus syariah melibatkan pemantauan dua peringkat iaitu peringkat luaran dan peringkat dalaman yang mana masing-masing berperanan untuk melakukan semak imbang yang dapat memastikan operasi sesebuah perniagaan sentiasa mematuhi syariah. Fungsi semak imbang dua peringkat ini juga akan menggambarkan bahawa sesuatu organisasi tersebut telah menjalankan tadbir urus yang baik dan dapat meyakinkan awam serta

pihak berkepentingan akan status patuh syariah perniagaan mereka. Oleh itu, pelaksanaan tadbir urus syariah di syarikat-syarikat IKS perlu mengambil kira aspek yang dinyatakan iaitu mewujudkan Jawatankuasa Syariah serta melantik pegawai dalaman yang berperanan untuk memberi nasihat, memantau dan memastikan keseluruhan operasi perniagaan mematuhi prinsip-prinsip syariah.

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dilakukan, kajian telah mendapati bahawa keperluan serta kepentingan utama bagi pelaksanaan tadbir urus syariah adalah untuk memastikan transaksi, operasi dan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan syarikat sentiasa mematuhi prinsip-prinsip syariah. Kesannya, pelaksanaan tadbir urus syariah akan dapat memastikan pendapatan yang diperoleh adalah halal dan bebas daripada unsur-unsur yang diharamkan dalam Islam seperti judi, riba, gharar dan sebagainya. Selain itu, hasil daripada tinjauan literatur juga mendapati bahawa pelaksanaan tadbir urus syariah akan meningkatkan kredibiliti dan reputasi syarikat, memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan, mengukuhkan keyakinan awam dan juga memudahkan proses mendapat pendanaan daripada institusi-institusi kewangan dan sebagainya.

Tinjauan kajian-kajian lepas berkaitan struktur tadbir urus syariah mendapati bahawa struktur yang diamalkan adalah berfungsi untuk menjadi semak imbang dalam pelaksanaan tadbir urus syariah di institusi-institusi tersebut. Fungsi semak imbang tersebut dilaksanakan dalam dua peringkat iaitu peringkat dalaman dan peringkat luaran. Peringkat dalaman melibatkan pengurusan, semakan dan pematuhan yang berfungsi untuk memastikan operasi harian berjalan seiring dengan pematuhan syariah. Manakala fungsi pengawasan dan jawatankuasa syariah adalah di peringkat luaran yang bertujuan untuk memantau pengurusan serta memberi nasihat berkaitan bagi memastikan pematuhan syariah dijalankan dengan penuh kohesif. Hasilnya, laporan patuh syariah yang dikeluarkan oleh komponen pendedahan maklumat dan ketelusan akan menggambarkan sejauh mana pematuhan syariah yang dilaksanakan di sesebuah institusi. Perkara ini juga akan memberi keyakinan kepada pihak-pihak berkepentingan dan awam seperti pelabur, pemegang saham, pelanggan dan lain-lain tentang pematuhan institusi tersebut terhadap prinsip-prinsip syariah.

a. Keperluan dan Kepentingan Tadbir Urus Syariah

No	Penulis	Hasil Kajian
1.	Wan Amir et. al. (2020), Amiratul Nadiyah et. al. (2020), Rusni Hassan et. al. (2018), Zurina Shafii et. al. (2017), Muhammad Issyam	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan transaksi, operasi dan aktiviti perniagaan yang dijalankan sentiasa mematuhi prinsip syariah

et. al. (2016), Mohd Rodzi & Al-Hassan (2015), Irawan Febianto (2011).	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pendapatan yang diperoleh adalah halal
2. Abdurrahman Haqqi (2014), Zulkifli Hasan (2012), Mizushima (2013), Hayathu Mohamed & Rusni Hasan (2019), BNM (2019), Siti Maria (2011)	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kredibiliti dan reputasi sesebuah institusi Memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan seperti pelanggan, pemegang saham dan pemegang taruh tentang status kepatuhan syariah sesuatu perniagaan Mengukuhkan keyakinan awam terhadap integriti, pengurusan dan operasi perniagaan
3. Joshua & Nicholas (2007), Sheila & Syed Ahmad Salman (2013)	<ul style="list-style-type: none"> Memudahkan pemilik syarikat mendapat pendanaan daripada pihak luar seperti institusi kewangan Islam dll

b. Struktur Komponen Tadbir Urus Syariah

No.	Penulis	Hasil Kajian
1.	Imran Hussain (2012), Nor Fadilah & Nuzul Akhtar (2016)	<ul style="list-style-type: none"> Fungsi utama tadbir urus syariah perlu mengandungi fungsi Pengurusan dan Pengawasan, Penasihatannya Syariah, Semakan dan Pematuhan Syariah, Pendedahan Maklumat dan Ketelusan
2.	Suruhanjaya Sekuriti (2007)	<ul style="list-style-type: none"> Melantik pegawai pematuhan untuk memastikan perniagaan yang dijalankan mematuhi garis panduan yang ditetapkan
3.	Irawan Febianto (2011)	<ul style="list-style-type: none"> Model perniagaan patuh syariah menyeluruh perlu melibatkan pengurusan sumber manusia, pengurusan pemasaran, pengurusan operasi serta bahagian pengurusan yang lain dan perlu diterapkan nilai-nilai Islam dan prinsip syariah.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Kesedaran untuk mewujudkan sebuah ekosistem ekonomi Islam makin mendapat tempat dalam kalangan pemain industri dalam sektor ekonomi. Bermula dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010 yang diperkenalkan Bank Negara Malaysia untuk IKI, sektor-sektor lain juga turut mengorak

langkah untuk melaksanakan tadbir urus syariah di institusi mereka. Perkara ini juga seiring dengan kepentingan pelaksanaan tadbir urus korporat dalam syarikat-syarikat bagi meningkatkan kredibiliti awam terhadap syarikat dan juga memudahkan proses syarikat mendapat pendanaan. Kajian-kajian lepas juga telah menyatakan tentang perlunya syarikat-syarikat di bawah kategori IKS untuk melaksanakan tadbir urus korporat. Sistem tadbir urus korporat adalah satu sistem yang umum dan tidak menyentuh tentang aspek-aspek agama, manakala sistem tadbir urus syariah pula adalah pelengkap kepada sistem tadbir urus korporat yang sedia ada bagi memastikan sesebuah organisasi atau syarikat beroperasi mengikut prinsip-prinsip syariah.

Tambahan lagi, Rajah 4.1 menunjukkan bahawa antara kepentingan dan keperluan kepada tadbir urus syariah. Status pematuhan syariah yang diperoleh sesebuah institusi kesan daripada pelaksanaan tadbir urus syariah bukan sahaja memastikan hasil keuntungan yang diperoleh mereka halal, bahkan status pematuhan syariah dan tadbir urus syariah itu akan meningkatkan kepercayaan pelanggan, pelabur, pemegang saham dan juga reputasi institusi tersebut. Selain itu, syarikat-syarikat IKS mempunyai dana yang terhad dan memerlukan kepada pendanaan luar bagi membesarkan saiz perniagaan mereka. Oleh itu, pelaksanaan tadbir urus syariah akan membantu untuk memudahkan proses syarikat-syarikat IKS mendapat pendanaan daripada institusi-institusi kewangan Islam dengan adanya sistem tadbir urus syariah yang baik.

Rajah 4.1: Aspek Kepentingan dan Keperluan Kepada Tadbir Urus Syariah

Bil	Aspek Kepentingan/Keperluan
1.	Memastikan transaksi, operasi dan aktiviti perniagaan yang dijalankan sentiasa mematuhi prinsip syariah
2.	Meningkatkan kredibiliti dan reputasi sesebuah institusi
3.	Memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan seperti pelanggan, pemegang saham dan pemegang taruh tentang status kepatuhan syariah sesuatu perniagaan
4.	Memudahkan pemilik syarikat mendapat pendanaan daripada pihak luar seperti institusi kewangan Islam dll
5.	Mengukuhkan keyakinan awam terhadap integriti, pengurusan dan operasi perniagaan

Oleh kerana tidak ada rangka kerja tadbir urus syariah yang khusus untuk IKS, maka adalah penting untuk meneliti institusi-institusi tersebut berkaitan pelaksanaan dan pengamalan tadbir urus syariah. Komponen tadbir urus syariah di IKI diiktiraf sebagai tadbir urus syariah yang paling lengkap. Manakala sektor-sektor lain yang mengadaptasi tadbir urus syariah tersebut menyesuaikan dengan kemampuan saiz perniagaan, kerumitan dan bentuk perniagaan mereka. Justeru, tidak semua komponen tadbir urus syariah IKI diterapkan sebagaimana Rajah 4.2 dan

Rajah 4.3. Ini bermakna, sekiranya saiz sesebuah perniagaan itu besar, maka lebih banyak sumber tenaga berkaitan syariah diperlukan bagi menampung keperluan untuk memastikan pematuhan syariah dalam operasi dan transaksi-transaksi perniagaan yang dijalankan. Begitu juga dengan melihat kepada sifat perniagaan itu sendiri.

Rajah 4.2: Pelaksanaan struktur tadbir urus syariah di IKI, Koperasi dan Pasaran Modal Islam

Komponen	Institusi Kewangan Islam	Koperasi	Pasaran Modal Islam
Jawatankuasa Penasihat Syariah	✓	✓	✓
Urus Setia (Sektretariat) Syariah	✓	✓	✓
Risiko Syariah	✓	-	-
Semakan Syariah	✓	-	-
Audit Syariah	✓	-	-

Rajah 4.3: Pelaksanaan struktur tadbir urus syariah di syarikat pelaburan berkaitan kerajaan

Komponen	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Lembaga Tabung Haji (LTH)	Permodalan Nasional Berhad (PNB)
Jawatankuasa Penasihat Syariah	✓	✓	✓
Urus Setia (Sektretariat) Syariah	✓	✓	✓
Risiko Syariah	✓	✓	-
Semakan Syariah	✓	✓	-
Audit Syariah	✓	✓	-

Sumber: Wan Amir et. al. (2020)

KESIMPULAN

Tadbir urus syariah adalah pelengkap kepada sistem tadbir urus korporat. Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah akan dapat memastikan semua transaksi dan operasi perniagaan yang dijalankan berjalan dengan mematuhi prinsip-prinsip syariah. Ini adalah kerana, hasil keuntungan perniagaan yang dijalankan secara tidak patuh syariah tidak boleh digunakan pemiliknya kerana ia telah menjadi harta yang haram. Selain itu, Tadbir Urus Syariah di Institusi Kewangan Islam diiktiraf sebagai peneraju kepada sistem tadbir urus syariah. Oleh kerana itu, Rangka Kerja dan Garis Panduan Tadbir Urus Syariah untuk IKI dijadikan panduan kepada penghasilan rangka kerja atau garis panduan tadbir urus syariah di sektor-sektor ekonomi yang lain. Tambahan lagi, kelebihan-kelebihan yang

ditawarkan kesan daripada pelaksanaan tadbir urus syariah seperti memastikan operasi perniagaan sentiasa patuh syariah, memudahkan proses mendapat pendanaan, meningkatkan kredibiliti dan reputasi dan lain-lain sudah pastinya akan memberi banyak manfaat kepada pemilik-pemilik syarikat dalam kategori IKS.

Tadbir urus syariah menjadi satu keperluan kepada sektor IKS serta sektor-sektor ekonomi yang lain secara amnya. Tambahan lagi, kesesuaian pelaksanaan tadbir urus syariah bagi IKS perlu dikaji dan diteliti dengan lebih mendalam kerana ciri-ciri IKS tersebut mempunyai perbezaan dengan industri dalam sektor ekonomi yang lain, terutamanya berkaitan saiz perniagaan, pulangan jualan, bilangan pekerja dan sebagainya. Justeru, aspek-aspek ini perlu di ambil kira dengan cadangan pelaksanaan tadbir urus syariah di IKS. Oleh itu, kajian lanjut perlu dijalankan tentang bagaimana model tadbir urus syariah untuk syarikat-syarikat IKS yang sesuai dengan saiz, sifat perniagaan dan kemampuan syarikat.

RUJUKAN

- Abdurrahman Raden Aji Haqqi. 2014. *Shariah Governance In Islamic Financial Institutions: An Appraisal*.
- Aishath Muneeza. 2014. *Shari'ah Governance Applicable to Islamic Banks in Malaysia: Effect of Islamic Financial Services Act 2013. The Developing Role of Islamic Banking and Finance: From Local to Global Perspectives*. Vol.95.
- Ali Salman Saleh & Nelson Oly Ndubisi. 2006. *SME Development In Malaysia: Domestic And Global Challenges*. Working Paper 06-03, Department of Economics, University of Wollongong.
- Amiratul Nadiah, Aisyah Abdul-Rahman & Zaleha Yazid. 2020. *Shariah governance practices at Islamic fund management companies*. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*. Vol. 11 No. 2: 309-325.
- Asiah AlKharib Shah & Dziauddin Sharif. 2018. *Kepatuhan Syariah dalam Tadbir Urus Ar-Rahnu*. *Journal of Muwafaqat*. Vol. 1, No.2: 37-57.
- Asma Sorfina Surkery & Salmy Edawati Yaacob. 2019. *Konsep Koperasi Patuh Syariah: Satu Tinjauan Literatur*. *Al-Qanatir Internasional Journal Of Islamic Studies*. Vol.15 (1).
- Bank Negara Malaysia. 2013. *Circular on New Definition of Small and Medium Enterprises (SMEs)*. Development Finance and Enterprise Department, Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2010. *Shariah Governance Framework 2010*.
- Bank Negara Malaysia. 2019. *Shariah Governance Policy Document 2019*.
- Cheryl Khor. 2017. *Laporan Akhbar The Edge Markets*: <https://www.theedgemarkets.com/article/issues-corporate-governance-practices-smes>
- Chin, Yee-Whah & Lim, Ee-Shiang. 2018. *SME Policies and Performance in Malaysia*. ISEAS Yusof Ishak Institute.
- Hayathu Mohamed Ahamed Hilmy & Rusni Hassan. 2019. *Shariah Governance Structure of Islamic Financial Institutions in Sri Lanka*. *International Journal of Management and Applied Research*. Vol.6(4): 245-258.
- IFSB-10. 2009. *Guiding Principles on Shariah Governance Systems for Institutions Offering Islamic Financial Services*. <https://www.ifsb.org/download.php?id=4359&lang=English&pg=/published.php>
- Internasional Shariah Research Academy (ISRA). 2016. *Islamic Financial System Principles & Operations*. ISRA Publication: Kuala Lumpur.
- Irawan Febianto. 2011. *Shariah Compliant Model of Business Entities*. *World Journal of Social Science*, Forthcoming.
- Joshua Abor & Nicholas Biekpe. 2007. *Small Business Reliance on Bank Financing in Ghana*. *Emerging Markets Finance and Trade*. Vol 43, Issue 4.
- Joshua Abor & Charles Adjasi. 2007. *Corporate Governance and the Small and Medium Enterprises Sector: Theory and Implications*. *Corporate Governance Internasional Journal of Business in Society*. 7(2).
- Mohd Danial Afiq & Majid, Khamar Tazilah, Muhammad dan Aweea, Azeyan dan Aik Keang, Adam Arif Lee. 2011. *Corporate governance characteristics and financial performance: evidence from islamic banks in Malaysia*. *Management & Accounting Review (MAR)*. Vol.20(1): 39-60.
- Mohd Rodzi Ahmad & Al-Hasan Al-Aidaros. 2015. *The Need of Independent Shariah Members in Islamic Cooperative Banks: An Empirical Study of Professional Accountants in Malaysia*. *Internasional Review of Management and Business Research*. Vol 4(1).
- Muhammad Issyam Itam, Rusni Bt Hasan & Syed Musa Alhabshi. 2016. *Shariah Governance Framework For Islamic Co-Operatives As An Integral Social Insitution In Malaysia*. *Intellectual Discourse*, 24.
- Nawal Kasim, Sheila Nu NuHtay & Syed Ahmed Salman. 2013. *Comparative Analysis on AAOIFI , IFSB and BNM Shari'ah Governance* Faculty of Accountancy. *International Journal of Business and Social Science*. 4(15): 220-227
- Nawal Kasim, Sheila Nu NuHtay & Syed Ahmed Salman. 2013. *Conceptual framework for Shari'ah corporate governance with special focus on Islamic capital market in Malaysia*, *International Journal of Trade, Economics and Finance*. Vol. 4 No. 5: 336-339.
- Nawal Kasim, Sheila Nu NuHtay & Syed Ahmed

- Salman. 2013. Shariah governance for Islamic capital market. *International Journal of Education and Research*. Vol. 1: 1-14.
- Nor Fadilah Bahari & Nuzul Akhtar Baharudin. 2016. *Shariah Governance Framework: The Roles Of Shariah Review And Shariah Auditing*. Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah.
- Nor Laila MD Noor & Nurulhuda Noordin. 2016. *A Halal Governance Structure: Towards a Halal Certification Market*. Conference: European and Mediterranean Conference on Information Systems (EMCIS 2009)
- Nurmazilah Mahzan & Chia Meng Yan. 2014. *Harnessing the Benefits of Corporate Governance and Internal Audit: Advice to SME*. *Procedia -Social and Behavioral Sciences*. 115:156-165
- Rihab Grassa. 2013. *Shariah Supervisory System In Islamic Financial Institutions New Issues and Challenges: A Comparative Analysis between Southeast Asia Models And GCC Models*. *Humanomics*, Vol. 29(4): 333-348.
- Rusni Hassan, Rose Ruziana Samad & Zurina Shafii. 2018. *Shari'ah Governance Practices In Credit Cooperatives In Malaysia*. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*. 89-109.
- Shahul Hameed. 2000. *Nurtured by "Kufr:: The Western Philosophical Assumptions Underlying Conventional (Anglo-American) Accounting*. *Internasional Journal of Islamic Financial Service*. 2(2):1-31.
- Sheila Nu Nu Htay, Syed Ahmed Salman. 2013. *Corporate governance: A case study of SMEs in Malaysia*. *Middle-East Journal of Scientific Research*. Vol 18(2): 243-252.
- Siti Maria Wardayati. 2011. *Implikasi Shariah Governance Terhadap Reputasi Dan Kepercayaan Bank Syariah*. *Walisongo*, Volume 19(1).
- Siti Noradibah Md Zain & Zurina Shafii. 2018. *The Impact Of Shariah Governance To Financial And Non-Financial Performance In Islamic Financial Institutions (Ifis): A Literature Survey*. *International Journal of Islamic Business*. Vol 3(2).
- Surianom Miskam & Muhammad Amrullah Nasrul. 2013. *Shariah Governance In Islamic Finance: The Effects Of The Islamic Financial Services Act 2013*. Conference: World Conference on Integration of Knowledge 2013, At Malaysia
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). 2015. *Garis Panduan 28 (GP28): Garis Panduan Tadbir Urus Syariah*.
- Suruhanjaya Sekuriti. 2007. *Guidelines on Islamic Fund Management*.
- Wan Amir Shafiq bin Ab. Nasir, Rusni Hassan & Ibraheem Musa Tijani. 2020. *Malaysian's Government Linked Investment Companies: Is There a Need for Shariah Governance Framework?*. *Journal of Islam in Asia Special Issue Islamic Banking and Finance*. Vol 17, No.2
- Zulkarnain Muhamad Sori, Mohamed Eskandar & Shamsher Mohamad. 2015. *Shariah Governance Practices in Malaysian Islamic Financial Institutions*. *SSRN Electronic Journal*.
- Zurina Shafii, Mohammed Obaidullah & Rose Ruziana Samad. 2017. *Developing a Model for Corporate Governance and Conflict of Interest Deterrence in Shari'ahbased Cooperatives*. *IRTI Policy Paper*. 2017-03.
- Zulkifli Hasan. 2011. *A Survey On Shari'ah Governance Practices In Malaysia, GCC Countries And The UK: Critical Appraisal*. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Zulkifli Hasan. 2012. *Shari'ah Governance In Islamic Banks*. *Edinburgh University Press: Edinburgh*.

Abd Hakim Abd Rasid
p98873@siswa.ukm.edu.my
Pelajar Siswazah
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Salmy Edawati Yaacob
salmy1001@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Mat Noor Mat Zain
mmz@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong	1-11
Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhammad	12-21
Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	22-31
Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid Al-Sharī‘ah <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāṣid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	32-42
Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law Fahad Mubarak Aldossary	43-54
Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin	55-64
Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain	65-75
Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya	76-85

<p>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</p> <p>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang</p>	86-94
<p>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</p> <p><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i></p> <p>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap</p>	95-104
<p>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</p> <p><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i></p> <p>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	105-113
<p>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan <i>Tabarruj</i>: Satu Tinjauan Literatur</p> <p><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i></p> <p>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin</p>	114-126
<p>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</p> <p><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i></p> <p>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad</p>	127-134
<p>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</p> <p><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i></p> <p>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	135-145
<p>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</p> <p><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implimentation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i></p> <p>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria</p>	146-154
<p>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</p> <p><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i></p> <p>A.B. Mahroof</p>	155-170

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.